

28/06/2002

Umno Kelantan janji tewaskan Pas

Zulkifli Md Ali

KOTA BHARU, Khamis - Umno Kelantan berjanji merampas kembali negeri ini daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang sebagai hadiah istimewa kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata janji itu dibuat pada perjumpaan khas Umno negeri hari ini, berikutan persetujuan Perdana Menteri untuk terus memimpin parti dan kerajaan Barisan Nasional (BN) hingga tahun depan.

Beliau berkata, ia juga sebagai tanda terima kasih atas persetujuan Dr Mahathir melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

"Kita memberi komitmen penuh untuk menyatakan syukur dan terima kasih kepada persetujuan Dr Mahathir itu dengan merapatkan kembali barisan dan kerja bersungguh-sungguh untuk merampas kembali Kelantan daripada pembangkang.

"Kita rasakan ini akan menjadi hadiah istimewa kepada pemimpin kita," katanya, hari ini.

Janji itu adalah antara beberapa ketetapan yang terkandung dalam usul sokongan terhadap Perdana Menteri dan Abdullah yang diluluskan sebulat suara pada perjumpaan khas anggota jawatankuasa Puteri Umno, Wanita, Pemuda dan Badan Perhubungan Umno Kelantan, di sini.

Pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno, Selasa lalu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan bahawa Dr Mahathir akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan dan mengesahkan Abdullah sebagai penggantinya.

Sambil menghormati keputusan Dr Mahathir itu, Mustapa berkata, Umno Kelantan bersyukur kerana Dr Mahathir meletakkan kepentingan negara dan parti melebihi kepentingan peribadi serta keluarganya.

Beliau berkata, usul itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir dan Abdullah dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, bagi memenuhi janji itu, Umno Kelantan sedang mengatur strategi memperkukuhkan barisan kepimpinan dan mengumpul lebih banyak sokongan daripada rakyat.

"Kita mesti yakin bahawa kita boleh menewaskan Pas, kita sudah membuat ketetapan untuk bergerak dalam satu pasukan memberi saingan sengit kepada Pas," katanya.

Mengenai Umno Kelantan membantu Umno Kedah pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, pihaknya sudah menyatakan komitmen untuk bekerja keras membantu Umno Kedah menawan semula kawasan itu daripada Pas.

"Ini ujian penting dalam keadaan parti bertambah kukuh, dalam keadaan kita bersyukur kerana segala-galanya telah reda, kita merasakan ini medan pertempuran amat penting sekali untuk Umno," katanya.

Beliau akan bertolak ke Kedah esok bagi membincang dan membuat persiapan untuk membolehkan anggota Umno Kelantan membantu memenangi dua kawasan berkenaan.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit akan diadakan berikutan kematian Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, Ahad lalu.

(END)